

02 MAR 1997

Lumba Basikal-Le Tour de Langkawi
SCINTO MUNCUL JUARA KESELURUHAN

LANGKAWI, 2 Mac (Bernama) -- Pelumba Itali, Luca Scinto dari pasukan MG Technogym berjaya memenangi jersi kuning setelah muncul juara keseluruhan lumba basikal Le Tour de Langkawi (LTdL) 1997 sebanyak 12 peringkat yang berakhir di sini hari ini.

Pelumba berusia 29 tahun itu, yang disarungkan jersi kuning untuk kali keenam berturut-turut semalam, tiba di garisan penamat dengan pecutan bergaya untuk merangkul gelaran itu.

Pencapaian itu ternyata sungguh bermakna bagi beliau yang melakukannya di hadapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga penaung LTdL serta beribu-ribu penonton yang membanjiri kawasan di sekitar garisan penamat di sini.

Peringkat ke-12 sejauh 60.5km itu yang juga peringkat terakhir perlumbaan, dilepaskan oleh Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid. Turut hadir pada upacara melepaskan pelumba itu ialah Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Scinto, yang dilahirkan di Galleno, Itali dan mula menjadi pelumba profesional pada 1994 bersama-sama pasukan MG Technogym, menerima hadiah wang tunai RM92,000 yang disampaikan oleh Perdana Menteri.

"Saya tidak menyangka untuk muncul sebagai juara kerana saingan sengit yang diberikan oleh peserta lain," kata beliau.

Sementara itu, rakan sepasukan Scinto, Fabiano Fontanelli, yang memenangi peringkat ke-11 dari Kangar ke Pulau Pinang semalam, muncul sebagai pemenang peringkat ke-12 hari ini selepas mencatatkan masa 1 jam 13 min 50s.

Gerardus Kemper dari pasukan Tegel Toko, Belanda, menduduki tempat kedua dan Andrus Aug yang mewakili pasukan Tuul Tunturi dari Finland menduduki tempat ketiga.

Peserta Kazakhstan, Serguei Lavrenenko, yang memakai jersi oren untuk kali keenam semalam, menggondol hadiah wang tunai RM26,000 setelah beliau muncul sebagai pelumba terbaik di peringkat Asia.

Gelaran raja bukit pula dimenangi oleh Heinrich Trumheller dari pasukan Schauff Oschelbronn dari Jerman, yang mempertahankan jersi merah pada peringkat ke-12 hari ini untuk menerima hadiah wang tunai RM32,000.

Nicola Loda daripada pasukan MG Technogym, Itali, muncul raja pecut selepas memenangi jersi hijau dan menerima hadiah wang tunai RM55,000.

Pemenang pingat emas acara 153km Sukan SEA 1995 di Chiang Mai, Tsen Seong Hoong, pula terpilih sebagai pelumba terbaik di kalangan peserta Malaysia.

Seong Hoong, yang menduduki tempat ke-29 dalam peringkat 12 hari ini, akan menjalani latihan di Switzerland Julai dan Ogos ini. Dia juga akan mengambil bahagian dalam dua kejohanan besar, Rominger Classics dan A Travers Laussane, di negara itu.

Pelumba-pelumba lain yang mengambil bahagian dalam peringkat 12 ialah M. Kumaresan (ke-18), Nor Effandi Rosli (ke-59), Wong Ah Tiam (ke-62), Azizan Manaf (ke-66) dan Muhamad Suhaimi Keton (ke-92).

Jelajah Langkawi 1997, yang bermula pada 9 Feb mengandungi 12 peringkat itu meliputi jarak sejauh 1608.5 kilometer merentasi semua negeri dan disertai 150 pelumba daripada 25 pasukan.

SEPULUH PELUMBA TERBAIK PERINGKAT 12:

1. Fabiano Fontanelli (MG Technogym, Itali), 2. Gerardus Kemper (Tegel Toko, Belanda), 3. Andrus Aug (Tuul Tunturi, Finland), 4. Davide Bramati (Mapei GB, Itali), 5. Nicola Loda (MG Technogym, Itali), 6. Andrea Tafi (Mapei GB, Itali), 7. Martin Weichert (Schauff Oschelbronn, Jerman), 8. Pascal Defourni (Cedico, Belgium), 9. Jay Sweet (Giant AIS, Australia), 10. Andres Lauk (Tuul Tunturi, Finland).

SEPULUH CATATAN TERBAIK KESELURUHAN

1. Luca Scinto (MG Technogym, Itali) -- 35:44:25, 2. Jens Voigt (Giant AIS, Australia) -- 35:46:49, 3. Alberto Elli (Casino, Perancis) -- 35:46:54, 4. Angelo Lecchi (MG Technogym, Itali) -- 35:46:56, 5. Nicola Loda (MG Technogym, Itali) -- 35:47:10, 6. Andrew McLean (Afrika Selatan) -- 35:47:11, 7. Serguei Lavrenenko (Kazakhstan) -- 35:47:20, 8. Paolo Bettini (MG Technogym, Itali) -- 35:47:36, 9. Philippe Bordenave (Casino, Perancis) -- 35:48:10, 10. Volker Ordowski (Schauff Oschelbronn, Jerman) -- 35:48:19.

SEPULUH PASUKAN TERBAIK:

1. MG Technogym, Itali -- 107:14:47, 2. Kazakhstan -- 107:20:59, 3. Casino, Perancis -- 107:23:50, 4. Schauff Oschelbronn, Jerman -- 107:30:56, 5. Afrika Selatan -- 107:31:22, 6. Kanada -- 107:35:53, 7. Denmark -- 107:39:23, 8. New Zealand -- 107:44:43, 9. Saturn, Amerika Syarikat -- 107:46:59, 10. Jepun -- 107:48:34.-- BERNAMA

MAN OBA